

BAB III

PENULISAN FEMINISME DALAM FIKSYEN SHANG WANYUN

3.1 Pengenalan Shang Wanyun dan Penulisan Feminisme Fiksyennya

Shang Wanyun merupakan salah seorang pengarang karya sastra Mahua yang terpenting dalam arena sastra Mahua. Beliau jugalah seorang siswazah universiti Taiwan. Walaupun karya beliau tidaklah banyak, tetapi pengolahan bahasanya sungguh mahir. Ketajaman mata penanya dikatakan telah mewarisi unsur-unsur kesusasteraan tradisional China. Beliau seorang pengarang wanita yang mempunyai daya mengarang yang sensitif. Kemahirannya adalah menyampaikan keprihatinannya terhadap wanita melalui watak-watak dalam cerpen yang diciptanya.⁹² Beliau

⁹² Li Ruiteng (李瑞騰) seorang sarjana Taiwan yang pernah menulis prakata untuk antologi cerpen Shang Wanyun (商晚筠) yang berjudul "Air Bunga Tujuh Warna" 《七色花水》, berpendapat bahawa tema cerpen Shang Wanyun kebanyakannya menunjukkan keprihatinan terhadap kaum wanita. Sila lihat Shang Wanyun, *Air Bunga Tujuh Warna* 《七色花水》, (Taipei : Syarikat Penerbitan Yuanliu, 1991), hal. 7-11.

seorang pengarang wanita yang mempunyai sudut pandangan wanita yang matang. Boleh dikatakan Shang Wanyun mahir dalam mengisahkan dunia hati dalaman kaum wanita.

Shang Wanyun (1952-1995) dilahirkan dalam sebuah keluarga pekedai runcit. Kampung halamannya terletak di Baling, Kedah. Keadaan persekitaran ini telah membolehkannya berpeluang berinteraksi dengan golongan pertengahan dan bawahan dari pelbagai kaum.⁹³ Ini telah membekalkan bahan yang kaya untuk penciptaan cerpennya pada masa depan. Namun demikian, riwayat Shang Wanyun sebagai seorang penulis masih belum diterokai lagi sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke Taiwan. Shang Wanyun mula menumpukan minatnya dalam pembacaan pelbagai novel dan cerpen sejak sekolah menengah lagi. Namun demikian sumber bacaan yang ada ketika itu tidak dapat memenuhi keperluannya. Justeru itu, Shang Wanyun terpaksa mengunjungi satu-satunya kedai buku yang dikendali oleh Liang Yuan (梁園) di Kulim. Liang Yuan menggalakkan beliau menghasilkan karyanya tersendiri dan seterusnya mencungkil bakat Shang Wanyun dalam bidang penulisan sepanjang hayatnya. Justeru itu, Shang Wanyun mula menceburkan diri dalam bidang penulisan ketika berada di bangku sekolah menengah dan pada masa itulah bermulanya riwayat penulisannya.⁹⁴

⁹³ *Ibid.* , hal. 5-11.

⁹⁴ Ng Yean Leng (伍燕翎) , *Penulisan Pinggiran : Penulisan Wanita dalam Karya Fiksyen Shang Wanyun*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1999), hal. 13.

Shang Wanyun pada awalnya menggunakan nama pena “Shu Xiaohan” (舒小寒) untuk mencipta karya puisi. Pada masa itu, beliau kerap memaparkan karya puisinya dalam majalah *Temas* 《香港伴侶半月刊》. Pada tahun 1968, Shang Wanyun mula menceburkan diri dalam bidang penulisan prosa dan beliau telah dapat memaparkan hasil penulisan ke majalah *Chao Foon* yang diedit oleh Yao Tuo (姚拓). Di samping itu, Shang Wanyun mulai mencipta cerpen semasa beliau belajar di Universiti Kebangsaan Taiwan. Shang Wanyun pernah berkata : “Saya mulai menceburi bidang penulisan cerpen selepas saya pergi ke Taiwan.” Walaupun penerokaan Shang Wanyun dalam bidang penulisan agak lewat tetapi beliau akhirnya dapat mengecapi kejayaan dengan kesungguhan dan kegigihannya. Pada masa itulah, beliau mula menggunakan nama pena seperti “Shang Wanyun”, “Shang Sang” (商桑) dan “Wu Yan” (无烟) dalam penulisan karyanya.⁹⁵

Shang Wanyun meninggalkan kampung halamannya dan melanjutkan pengajian bahasa dan kesusasteraan Inggeris di Universiti Kebangsaan Taiwan pada tahun 1971. Enam tahun semasa beliau berada di Taiwan merupakan titik peralihan bagi Shang Wanyun kerana dalam tempoh itu beliau telah bertolak dalam bidang penulisan cerpen. Perkembangan kesusasteraan yang pesat di Taiwan pada tahun 1970an telah menyediakan suatu ruangan yang baik bagi Shang Wanyun. Beliau telah mendapat pengakuan bagi karya ciptaannya dengan memenangi banyak hadiah

⁹⁵ Sila rujuk Ma Lun (马仑). *Pengimbasan Karyawan Cina di Singapura dan Malaysia*, 1991, hal. 290.

pertandingan sastra di Taiwan. Ini menyebabkan Shang Wanyun mendapat perhatian di arena sastra Taiwan pada masa itu.⁹⁶

Meninjau penerbitan dua buah antologi cerpen Shang Wanyun, iaitu *Gadis Terencat Akal Bernama A Lian* dan *Air Bunga Tujuh Warna* 《七色花水》, kita dapati kedua-dua buah antologi cerpen ini mengandungi 20 buah cerpen ciptaannya, antaranya terdapat 16 buah cerpen adalah berlandaskan watak wanita sebagai sudut naratifnya. Shang Wanyun sendiri juga tidak menafi bahawa dalam karyanya, watak lelaki hanya memainkan peranan watak sekunder.⁹⁷ Shang Wanyun lebih dikenali sebagai seorang karyawan wanita kerana kemahirannya dalam mengukir watak-watak wanita. Beliau sering mengutarakan pelbagai isu wanita dalam karyanya. Contohnya isu percintaan, perkahwinan, penyesuaian diri wanita dalam masyarakat, semua ini telah menjadi tema dalam cerpennya dan mempunyai naratif yang mantap. Karya beliau tidaklah mengasihani diri sendiri tetapi penuh dengan keprihatinannya terhadap wanita melalui watak-watak dalam cerpen yang diciptanya. Beliau dikatakan sentiasa mengambil berat terhadap nasib kaum wanita.

⁹⁶ Sila rujuk Li Ruiteng (李瑞騰), "Meratapi Kematian Karyawan Malaysia - Shang Wanyun," 〈筠之晚矣, 綠轉黃 - 遙祭大馬小說家商晚筠〉 akhbar *Zhongguo Shibao* 《中国时报》, 30-31 Julai 1995.

⁹⁷ Yang Jinyu (楊錦郁), "Menuju ke Arah yang Matang - Temubual dengan Shang Wanyun," 〈趨向成熟的坦道走 - 訪大馬作家商晚筠〉 majalah *Youshi Wenyi* 《幼獅文藝》, Jilid 6, No. 68, Disember 1988.

3.2 Perwatakan Wanita dalam Fiksyen Shang Wanyun

Shang Wanyun telah meninggal dunia pada 21hb Jun 1995 di Hospital Universiti Malaya disebabkan sakit. Walaupun Shang Wanyun telah meninggalkan kami, tetapi karya beliau telah membawa kenangan yang abadi untuk para pembaca. Keistimewaan cerpen Shang Wanyun adalah kebanyakan cerpennya berdasarkan sudut pandangan feminin.

Sarjana Taiwan yang bernama Yang Jinyu (杨锦郁) telah membuat analisa terhadap dua buah antologi cerpen Shang Wanyun. Rumusan beliau adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Antologi Cerpen Gadis Terencat Akal Bernama A Lian 《痴女阿莲》.

Judul Fiksyen	Pengisah (<i>Narrator</i>)
“Orang India di dalam Rumah Papan” 〈木板屋的印度人〉	Anak perempuan peruncit darjah 4.
“Selepas Waktu Senja” 〈黄昏以后〉	Pelajar perempuan yang menyewa bilik dengan Seorang wanita tua.
“Pakcik Li Rong Datang Makan Malam” 〈林容伯来晚餐〉	Anak perempuan peruncit yang bernama Lai Fu (来福) .
“Gadis Terencat Akal Bernama A Lian” 〈痴女阿莲〉	Perempuan terencat akal yang bernama Bai Lian (白莲) .
“Si Janda” 〈未亡人〉	Si janda yang bernama Mei Niang (美娘) .
“Rumah Melayu” 〈巫屋〉	Anak perempuan peruncit yang bernama Ling Ling (玲玲) .
“Barisan Pelakon” 〈戏班子〉	Anak perempuan pekedai.

“Sembilan Puluh Sembilan buah Lencongan” 〈九十九个弯道〉	Isteri guru besar yang bernama Bai Yudie (白玉蝶) .
--	--

Jadual 6 : Antologi Cerpen *Air Bunga Tujuh Warna* 《七色花水》 .

Judul Fiksyen	Pengisah (<i>Narrator</i>)
“Mata Ribut” 〈暴风眼〉	Wartawan yang bernama Du Xingfang (杜幸舫) .
“Selekoh Pekan” 〈街角〉	Jurugambar yang bernama Xi Li (席离) .
“Kesan Roda” 〈轮迹〉	Penganggur muda yang bergelar ‘saya’ .
“Keharuman Bunga Melati” 〈茉莉花香〉	Ahli politik perempuan yang bernama Hu Yan (胡颜) .
“Kuda yang Lesu” 〈疲倦的马〉	Wartawan muda.
“Air Bunga Tujuh Warna” 〈七色花水〉	‘Saya’ merupakan seorang pelajar perempuan.
“Simpul Rama-Rama” 〈蝴蝶结〉	Wartawan perempuan muda iaitu Cong Cong (丛丛) .
“Ji Wu” 〈季妩〉	Anak perempuan peruncit iaitu Ji Ruo (季若) .

Merujuk kepada analisa tersebut, jelasnya kebanyakan cerpen ciptaan Shang Wanyun adalah berdasarkan pengisah perempuan dan sudut pandangan feminin.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Profesor Chen Pengxiang, Shang Wanyun memegang identitinya sebagai seorang wanita yang menulis tentang kebatinan wanita telah menepati apa yang ditekankan oleh golongan feminisme iaitu sektor pengalaman dirinya.⁹⁸ Sarjana tempatan iaitu Zhuang Huaxing (庄华兴) juga berpendapat bahawa penulisan cerpen Shang Wanyun mempunyai dua ciri yang utama, iaitu penulisan terhadap tanah air dan keprihatinan terhadap nasib kaum wanita.⁹⁹ Oleh itu dalam mengulas dan menilai karya-karya Shang Wanyun, peranan Shang Wanyun yang bersifat feminisme tidak harus diabaikan.

Dalam lembaran yang berikutnya, saya akan meninjau perwatakan feminin dalam cerpen Shang Wanyun dari segi perwatakan wanita tradisional, perwatakan wanita moden dan perwatakan lesbian.

3.2.1 Perwatakan Wanita Tradisional

Merujuk kepada karya-karya oleh pengarang terkenal, kita akan mendapati bahawa seseorang pengarang yang ingin menggunakan watak perempuan untuk mencipta suatu watak dalam karya lazimnya akan menemui banyak halangan, tetapi Shang Wanyun telah berjaya melakukannya, malahan watak ini telah dijadikan contoh yang tipikal dalam arena sastra Mahua.

⁹⁸ Chen Pengxiang (陈鹏翔), "Penulisan yang Realistik dan Menyeronokkan : Perbincangan Ringkas Tentang Karyawan Siswazah Singapura dan Malaysia di Taiwan," 1988, hal.180-186.

⁹⁹ Zhuang Huaxing (庄华兴), "Pihak Lain? Atau pun "Kita" ? Perbincangan Imej Perwatakan Kaum Asing dalam Cerpen Shang Wanyun," , 1999, hal. 69.

Seorang pengkritik sastra Mahua, Chen Xuefeng (陈雪风) berpendapat bahawa “Perempuan Terencat Akal Bernama A Lian” merupakan karya yang terbaik bagi Shang Wanyun dan juga salah satu karya termasyhur di arena sastra Mahua.¹⁰⁰ Pandangan ini tidaklah keterlaluan memandangkan Shang Wanyun telah mencipta watak seorang perempuan terencat akal yang tipikal. Watak perempuan terencat akal ini telah diberikan imej dan karakter yang realistik.

Dari segi pengolahan bahasa, Shang Wanyun telah berjaya menghasilkan bahasa yang berkesan dalam mencipta watak A Lian (阿莲) dan meninggalkan kesan yang mendalam bagi para pembaca. Contohnya, apabila A Lian mendapati “terdapat orang yang mengekorinya, ... itu merupakan satu lembaga hitam yang sentiasa mengekorinya, dia telah berasa marah dan tidak sabar, berlari menuju ke hadapan. Sejurus kemudian A Lian berhenti seketika dan menoleh kepalanya ke belakang, lembaga hitam itu tetap mengekorinya, dia telah meludah ke atas lembaga hitam itu,malah memijaknya. Dia ingat bahawa lembaga hitam itu tidak dapat bangun lagi kerana dipijak. Tetapi selepas dia berjalan sebentar lagi, dia mendapati lembaga hitam itu masih mengekorinya. Akhirnya A Lian telah melakukan satu idea yang lucu, iaitu merendamkan diri ke dalam kolam yang sejuk supaya lembaga itu akan mati.”¹⁰¹

¹⁰⁰ Chen Xuefeng (陈雪风), *Terus Berjalan, Itulah Arah Perjalanan* 《走下去就是道路》, (Kuala Lumpur : Syarikat Penerbitan Yecao, 1998), hal. 52-60.

¹⁰¹ Sila lihat Shang Wanyun (商晚筠), *Gadis Terencat Akal Bernama A Lian* 《痴女阿莲》, (Taipei : Syarikat Penerbitan Lianjing, 1977) (Cetakan ke-7), hal. 142.

Dari petikan tersebut, kita jelas mendapati bahawa Shang Wanyun telah menggunakan bahasanya yang berkesan untuk menggambarkan aktiviti batin A Lian, setiap gerak geri A Lian seolah-olah benar.

Mata pena Shang Wanyun adalah begitu halus sekali, dia mengambil berat tentang kaum wanita. Malahan dia menaruh simpati terhadap watak seorang perempuan yang terencat akal. Dalam masyarakat tradisional Cina, adalah menjadi kebiasaan fenomena kaum lelaki diberikan perhatian manakala kaum perempuan diabaikan. Watak A Lian dalam cerpen langsung tidak mempunyai sebarang kedudukan sosial, malahan dia selalu ditengking oleh adik lelakinya. Contohnya apabila A Lian menuangkan kopi adiknya ke dalam sungai, adik lelakinya telah menampar mukanya.

Dalam melakar watak A Lian, perempuan terencat akal di bawah pena Shang Wanyun adalah begitu kesian sekali. A Lian berasal dari alam kehidupan yang sempit, dia terpaksa hidup merana. Walaupun akalnya tidak sempurna, tetapi dia terpaksa belajar untuk bergaul dengan orang lain dan mengenali kewujudan kaum lelaki. Dunia lelaki yang dikenalnya selalu menyinggung perasaan dan psikologinya. Apa yang jelas terpapar ialah Shang Wanyun cuba menggunakan watak A Lian untuk mencerminkan masyarakat Kaum Cina yang selama ini didominasi oleh kaum lelaki, di mana kaum wanita selalu ditindas dan mengalami diskriminasi. Keganasan dan diskriminasi oleh kaum lelaki bukan sahaja menakutkan A Lian tetapi juga merupakan mimpi ngeri bagi seluruh kaum wanita. Jelasnya Shang Wanyun berasa tidak senang

hati dengan ketidakadilan yang dilakukan oleh kaum lelaki ke atas kaum wanita. Namun begitu, kebanyakan wanita tradisional mengalami keadaan seperti A Lian, mereka langsung tidak tahu membela diri walaupun kehidupan betapa sengsara.

Apa yang lebih mengharukan ialah watak A Lian yang merupakan seorang perempuan terencat akal juga mempunyai perasaan terhadap kaum lelaki. Tetapi kasihannya A Lian tidak tahu bagaimana untuk meluahkan perasaan terhadap lelaki yang diidamkannya. Dia seorang pembisu dan sering dihina. Contohnya kawan abangnya A Bing (阿炳) telah menolak perasaan cintanya. Walaupun A Lian seorang yang cacat akal, tetapi apabila dia melihat kawannya di kampung iaitu A E (阿娥) akan berkahwin, maka di dalam hatinya juga tertimbul keinginan untuk berkahwin. A Lian hanya dapat berkhayal sahaja kerana pada realiti tiada orang ingin mengahwininya. A Lian mendahagakan kasih sayang dan ingin disayangi, tetapi ini hanyalah sekadar impian. Dia bukan sahaja hidup terasing, malahan dihina oleh orang kampung. Perut A Lian yang besar telah disalahfahamkan sebagai melakukan perkara sumbang. Seorang feminin iaitu Simone de Beauvoir berpendapat bahawa perempuan yang memasuki zaman keremajaan akan menghadapi konflik di antara ‘menjadi orang’ dan ‘menjadi wanita’ . Seorang dara akan merasai kelemahan sebagai seorang wanita. Dia perlu bersolek dan mempelajari tatasusila yang diajarkan oleh orang tua. Seterusnya dia akan menyedari hanya dengan perkahwinan barulah dia dapat menikmati kelebihan sosial. Tempoh peralihan ini merupakan suatu tempoh

yang menimbulkan konflik bagi anak dara.¹⁰² Watak A Lian sebagai seorang gadis yang terencat akal telah gagal untuk menyempurnakan tahap-tahap kehidupannya.

Dari sini, jelas terpapar bahawa kaum wanita tradisional yang selama ini tidak mempunyai hak untuk menentukan hal perkahwinan mereka. Apatah lagi A Lian yang terencat akal. Keadaan ini tidak akan berlaku pada pihak lelaki. Lelaki yang terencat akal biasanya akan dapat beristeri dengan mengguna wang untuk mengupah tukang risik. Dalam antologi cerpen “Gadis Terencat Akal Bernama A Lian”, Shang Wanyun telah menghasilkan banyak cerpen yang bertema seumpamanya. Beliau cuba mengutarakan persoalan wanita menerusi cerpennya dengan tujuan para pembaca juga dapat merasai diskriminasi jantina yang telah wujud sekian lama di dalam masyarakat Cina.

Cerpen-cerpen Shang Wanyun banyak menyentuh tentang nasib wanita. Dia bukan sahaja mencipta watak wanita dalam cerpennya, tetapi juga mengambil berat tentang nasib kaum wanita. Semua ini jelas terserlah dalam cerpennya. Contohnya dalam cerpen yang berjudul “Si Janda” 〈未亡人〉, kita telah mendapati Shang Wanyun amat mengambil perhatian terhadap nasib kaum wanita. Sejak dari dulu lagi, perempuan telah berada di posisi yang merugikan dari segi kehidupan berumah tangga. Menerusi watak janda Mei Niang (美娘) dalam cerpen “Si Janda”, Shang Wanyun telah mengeluarkan tuduhan terhadap fikiran feudalisme. Mei Niang telah menjadi mangsa feudalisme setelah kematian suaminya. Kubur baru itu bukan sahaja

¹⁰² Simone Beauvoir (西蒙.波娃), terjemahan Ou Yangzi (欧阳子等人译), *The Second Sex*, 1993, hal. 93-95.

telah mengebumikan suaminya, tetapi juga mengebumikan masa depan seorang janda muda. Ibu mertua Mei Niang merupakan seorang yang feodalistik, dia menyiksa Mei Niang dan memaksanya bersumpah supaya berjanda sepanjang hayat. Shang Wanyun dalam fiksiyen “Si Janda” telah mempertikaikan perkahwinan Mei Niang. Ibu mertua Mei Niang merupakan mangsa pengaruh saki baki fikiran feudalisme, dia menyiksa Mei Niang dan memaksanya berjanda untuk menjaga dirinya.¹⁰³ Dari sini, jelas terserlah bahawa kaum wanita saling menzalimi kerana semuanya terkongkong di bawah kekuasaan kaum lelaki.

Sejak zaman dulu lagi, kaum wanita telah ditakdirkan sebagai penjelmaan kesusahan. Mereka dipaksa menelan pelbagai kesusahan hidup secara senyap. Sebagai seorang wanita, sekiranya tidak dapat melahirkan anak bagi pihak suami, ini sudah tentu akan dianggap sebagai suatu dosa besar dalam masyarakat tradisional Cina. Hayat seorang wanita lama hanya dapat disempurnakan dengan melahirkan anak. Wanita yang tidak dapat melahirkan anak untuk meneruskan zuriat keluarga suaminya akan menerima layanan yang buruk. Mei Niang adalah satu contoh yang tipikal. Oleh kerana tidak dapat melahirkan anak, maka dia selalu dikutuk oleh ibu mertuanya. Dia terpaksa menanggung kebimbangan terhadap suaminya yang mungkin akan beristeri lagi. Gambaran ini jelas memaparkan pengalaman pahit yang dialami oleh kaum wanita masyarakat Cina sejak beberapa dekad lagi. Masyarakat tradisi Cina langsung tidak memberi sebarang kedudukan kepada wanita dalam sesebuah keluarga.

¹⁰³ Konsep kesucian (*chastity*) dalam masyarakat tradisional China telah menindas dan menzalimi ramai kaum perempuan. Kehendak kaum lelaki supaya kaum perempuan berpegang kepada tatatertib kesucian telah menjadi lambang kaum perempuan ditindas. Sila rujuk Ono Kazuko, *Chinese Women in a Century of Revolution, 1850-1950*, (Stamford : C.A. Stamford University Press, 1989), hal. 97-98.

Sebagai seorang pengarang wanita, Shang Wanyun sering kali mengambil berat tentang masalah wanita dalam karyanya. Mata penanya memendam rasa kemarahan apabila dia menyentuh isu wanita tradisional. Walau bagaimanapun, ini tidak merosakkan hasil ciptaan cerpennya. Shang Wanyun pandai mengendalikan penciptaan cerpennya dengan memasukkan kesedaran feminin. Dengan kata lain, dia menggunakan seni penciptaan cerpen untuk mengutarakan isu-isu kaum wanita tradisional.

Di samping watak utama, Shang Wanyun juga mencipta banyak watak sampingan yang mempunyai persamaan dari segi nasib mereka. Watak-watak wanita ini banyak terdiri daripada watak ibu yang rajin tetapi sering bergantung kepada suami. Mereka tidak merungut walaupun susah. Contohnya, watak ibu Cina dalam cerpen “Pakcik Lin Rong Datang Makan Malam” . Watak ibu yang merupakan isteri kepada seorang peruncit sebenarnya merupakan seorang wanita yang suka kecantikan. Walaupun dia selalu ditegur oleh ibu mertuanya, tetapi dia tidak membantah dan sebaliknya menjalankan tugas dengan bermuka senyum.

Watak ibu yang berlainan imej dengan watak ibu di atas juga terdapat dalam cerpen Shang Wanyun. Jenis watak ibu ini berjiwa sempit dan suka menyebut keburukan orang lain. Contohnya dalam cerpen “Barisan Pelakon” 〈戏班子〉, watak Qing Mei (清妹) yang melayan buruk terhadap seorang wanita Hakka.¹⁰⁴ Begitu juga dengan watak ibu tiri dalam cerpen “Ji Wu” 〈季妩〉. Ibu tiri ini

¹⁰⁴ *Ibid.* , hal. 221-230.

memberi layanan yang buruk kepada Ji Wu (季妩) yang merupakan anak isteri pertama.¹⁰⁵

Dalam perwatakan wanita tradisional, Shang Wanyun juga telah mencipta watak-watak ibu yang suka berleter dan berumur lanjut. Contohnya dalam cerpen “Jalan Pekan yang Sepi” 〈寂寞的街道〉, ibu yang tua itu selalunya mengambil topik lama untuk diperbualkan serta diulang-ulang.¹⁰⁶ Watak ibu dalam cerpen “Gadis Terencat Akal Bernama A Lian” 〈痴女阿莲〉 pula mempunyai fikiran yang kolot. Ibu A Lian selalu berleter tentang A Lian kerana terpaksa membiayai belanja kehidupannya sepanjang hayat.¹⁰⁷ Selain itu, watak ibu dalam cerpen “Kesan Roda” 〈轮迹〉 telah menunjukkan perasaan marah dan tidak puas hati terhadap suami dan anak perempuannya yang menganggur. Ibu ini langsung tidak mengambil kira perasaan orang lain dan tidak bertimbang rasa.¹⁰⁸ Shang Wanyun juga menggunakan teknik antitesis dalam cerpennya “Simpul Rama-Rama” 〈蝴蝶结〉 untuk perbandingan antara dua watak ibu. Imej dua orang ibu ini adalah bertentangan di mana ibu angkat dikurniakan sentimen yang mulia. Ia menganggap anak angkat itu sebagai anak kandungannya dan mengasuhnya dengan penuh kasih sayang sehingga tidak mahu berkahwin. Manakala ibu kandung telah dikurniakan

¹⁰⁵ Sila rujuk Shang Wanyun (商晚筠), “Ji Wu,” 〈季妩〉 dalam *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 225-236.

¹⁰⁶ Sila rujuk Shang Wanyun (商晚筠), *Gadis Terencat Akal Bernama A Lian* 《痴女阿莲》, 1977, hal. 111-132.

¹⁰⁷ *Ibid.*, hal. 133-158.

¹⁰⁸ Sila rujuk Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna* 《七色花水》, 1991, hal. 133-152.

dengan sifat-sifat yang keji dan hina. Ibu kandung ini sebenarnya seorang pelacur dan dia mengandung disebabkan melacurkan diri. Selepas gagal menggugurkan kandungannya, dia terpaksa melahirkan anak itu dan dijual kepada orang lain.¹⁰⁹ Boleh dikatakan cerpen tersebut telah berjaya mencipta dua watak ibu yang bertentangan pada masa serentak. Watak ibu lain yang negatif adalah watak ibu yang berkahwin lagi dalam cerpen “Menggulung Langsir” 〈卷帘〉. Ibu yang berkahwin lagi ini telah menyebabkan anaknya begitu benci terhadapnya.¹¹⁰

Dalam cerpen “Selepas Waktu Senja” 〈黄昏以后〉, Shang Wanyun telah mencipta watak seorang wanita tua yang berumur 87 tahun tetapi masih bersikap tamak. Wanita tua ini tamak akan wang bagaikan nyawa dirinya. Dia selalu menuduh pembantu rumahnya A Mei (阿梅) kerana tidak dapat melakukan kerja rumah dengan baik. Tambahan lagi, dia mengesyaki A Mei mencuri wangnya dan ingin memotong gaji serta membuangnya dari bekerja.¹¹¹ Seorang lagi watak wanita tua yang mirip kepada watak tersebut adalah watak nenek dalam cerpen “Pakcik Lin Rong Datang Makan Malam”. Nenek ini suka menegur kesilapan anak menantunya walaupun hanya kesilapan yang kecil sekali. Dia juga menyalahkan anak menantunya kerana tidak dapat melahirkan anak lelaki untuk meneruskan zuriat keluarga. Tiga

¹⁰⁹ *Ibid.*, hal. 209-224.

¹¹⁰ *Ibid.*, hal. 99-132.

¹¹¹ Sila rujuk cerpen “Selepas Waktu Senja,” 〈黄昏以后〉 dalam Shang Wanyun (商晚筠), *Gadis Terencat Akal Bernama A Lian*, 1977, hal. 56-60.

orang cucu perempuannya disalahkan akan merugikan keluarganya apabila kahwin nanti. Malahan dia juga bercadang supaya anaknya beristeri lagi.¹¹²

Merujuk kepada contoh tersebut, kita dapat merumuskan bahawa watak wanita tua yang dicipta oleh Shang Wanyun memiliki imej yang negatif. Mereka tidak disukai oleh orang lain kerana sikap buruk yang dimiliki. Wanita tua ini telah mewarisi pandangan kolot yang bercorak feudalistik. Ciri-ciri buruk yang dimiliki oleh kaum wanita tradisional Cina jelas terserlah dalam fiksiyen ciptaan Shang Wanyun.

Di samping itu, Shang Wanyun juga mengkritik sistem perkahwinan masyarakat tradisional Cina yang tidak berlaku adil terhadap kaum wanita. Perempuan tradisional Cina selalunya kahwin awal. Perempuan yang tidak kahwin apabila mencapai umur 20 tahun akan dianggap sebagai andartu. Perkahwinan selalunya tidak membawa kebahagiaan hidup dan nikmat kepada kaum wanita, tetapi dalam karya fiksiyen Shang Wanyun, perkahwinan merupakan satu-satunya tempat bergantung bagi kaum wanita. Sama ada berkahwin atau tidak, kaum perempuan terpaksa mencari jodoh apabila menjelang peringkat umurnya. Mereka terpaksa menurut kehendak kaum lelaki dengan memainkan peranan sebagai seorang ibu atau pengasuh. Dalam konteks ini, Shang Wanyun bukan sahaja mengambil berat terhadap nasib kaum wanita Cina, tetapi juga meninjau nasib wanita kaum lain. Contohnya dalam fiksiyen “Orang India di dalam Rumah Papan” , orang kampung telah mengejek dua orang

¹¹² Sila rujuk cerpen “Pakcik Lin Rong Datang Makan Malam,” 〈林容伯来晚餐〉 dalam Shang Wanyun (商晚筠), *Gadis Terencat Akal Bernama A Lian* 《痴女阿莲》, 1977, hal. 90-91.

anak perempuan tukang gunting India yang belum kahwin lagi. Anak perempuan yang berumur 18 tahun dan belum berkahwin dikatakan membazir beras di rumah sendiri. Namun Shang Wanyun tidak bersetuju dengan pendapat ini dengan mengecam pandangan kolot ini dalam fiksyen ciptaannya.

Watak-watak wanita di bawah pena Shang Wanyun banyak terdiri daripada perwatakan wanita tradisional. Ini seakan-akan tidak membawa apa-apa keistimewaan dalam mencipta fiksyen bertema feminisme. Tetapi apabila kita meninjau secara lebih mendalam, kita akan dapati bahawa watak-watak yang dicipta adalah bertujuan memaparkan rentetan perkembangan kesedaran di kalangan wanita. Perempuan tradisional terpaksa akur kepada institusi kekeluargaan, mereka tidak dapat melepaskan diri daripada norma tersebut. Ukuran yang dikenakan ke atas kaum wanita adalah tidak munasabah, ini telah mengongkong kehidupan mereka sekian lama. Contohnya dalam fiksyen “Pakcik Lin Rong Datang Makan Malam”, ibu mertua berasa tidak puas hati terhadap anak menantunya kerana ketiga-tiga orang cucu yang dilahirkan adalah perempuan. Oleh itu, perempuan kolot ini telah memaksa anaknya beristeri lagi. Padahal soal lahirkan anak lelaki atau perempuan bergantung kepada pihak suami. Namun tanggungjawab ini dialihkan sepenuhnya ke atas kaum wanita. Sebagai anak menantu ataupun seorang ibu, watak wanita ini langsung tidak menentang. Dia bersabar sahaja terhadap rungutan ibu mertuanya. Dari sini penulis telah berjaya memaparkan layanan buruk yang diterima oleh kaum perempuan. Mereka terpaksa menunaikan kewajipan diri sebagai perempuan dengan mengetepikan kewujudan diri. Mereka tidak berani membantah norma sosial yang dikenakan ke atas

mereka. Jelasnya Shang Wanyun ingin meluahkan bantahan terhadap norma sosial yang dikenakan oleh kaum lelaki menerusi penulisan fiksi seumpama ini.

3.2.2 Perwatakan Wanita Moden

Selain daripada menulis tentang watak wanita yang berada di bawah kongkongan kaum lelaki, Shang Wanyun juga mereka cipta watak-watak wanita moden yang terpelajar bagi mempertikaikan ukuran-ukuran lama dalam masyarakat Cina. Dalam masyarakat tradisional Cina, perempuan yang tidak berbakat dianggap sebagai satu bentuk moral yang baik, iaitu “*nüzi wucai bianshi de*” (女子无才便是德). Shang Wanyun telah mencipta watak-watak fiksi yang bertujuan mengikis fikiran kolot masyarakat Cina. Sebenarnya terdapat pandangan barat yang mempunyai persamaan dengan masyarakat Cina, misalnya menurut pemerhatian yang dibuat oleh Vivien Jones, pada abad ke-18 di negara British, orang perempuan yang menerbitkan karya dianggap telah kehilangan kedaraan. Ini disebabkan perbuatan ini akan membongkarkan rahsia peribadi wanita dan melanggar norma sosial.¹¹³ Boleh dikatakan Shang Wanyun bijak dalam mengendalikan watak-watak tersebut kerana beliau sendirilah seorang wanita yang terpelajar. Seorang pengkritik sastera Taiwan yang terkenal berpendapat bahawa kita dapat melihat imej

¹¹³ Sun Kangyi (孙康宜), *Interpretasi Wanita dalam Klasik dan Zaman Moden*, 1998, hal. 138.

sendiri Shang Wanyun dalam karya fiksyennya.¹¹⁴ Fiksyennya mengandungi unsur-unsur feminisme yang ketara. Beliau menentang sistem masyarakat yang bercorak paterniti, menafikan bahawa pengetahuan perempuan adalah lebih rendah daripada lelaki serta mempertikaikan institusi kekeluargaan untuk kaum perempuan.

Dalam fiksyen *Air Bunga Tujuh Warna*, Shang Wanyun telah mencipta banyak watak wanita terpelajar sebagai watak utama dalam fiksyennya. Contohnya dalam fiksyen yang berjudul “Mata Ribut”¹¹⁵ 〈暴风眼〉, watak utama yang bernama Du Xingfang (度幸舫) merupakan seorang wartawan yang unggul. Dia pernah mendapat Hadiah Wartawan sebanyak dua kali. Bahan bacaan yang dilanggannya adalah majalah ekonomi, majalah berita dan sebagainya.¹¹⁶ Di samping itu, Du Xingfang juga suka akan lagu-lagu pop. Semua sifat ini menunjukkan Du Xingfang seorang yang berfikiran moden. Walaupun Du Xingfang seorang intelek, tetapi dunia kerjayanya yang didominasi oleh kaum lelaki tidak menyenangkan akan kewujudannya. Dalam syarikat akhbar, personalia yang kompleks telah menyebabkan Du Xingfang ditolak oleh kaum lelaki yang bersaing dengannya. Du Xingfang tidak mahu dieksploitasi dan ini menyebabkan akhirnya dia dipecat. Shang Wanyun cuba menggunakan watak yang berbeza untuk melihat dunia ini. Ini menunjukkan teknik

¹¹⁴ Sila lihat Yang Jinyu (杨锦郁), “Meninjau Perwatakan Wanita dalam Cerpen Shang Wanyun,” 〈论商晚筠小说中的女性〉 dalam *Koleksi Tesis Sastera Mahua Pengukuhan Tempatan Demi Menuju ke Arah Dunia* 《扎根本土·面向世界论文集》, (Kuala Lumpur: Persatuan Penulis-Penulis Aliran China Malaysia dan Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa Universiti Malaya, 1998), hal. 188-199.

¹¹⁵ Cerpen “Mata Ribut” 〈暴风眼〉 merupakan salah sebuah fiksyen dalam antologi cerpen *Air Bunga Tujuh Warna* 《七色花水》. Sila rujuk Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 15-64.

¹¹⁶ Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna* 《七色花水》, 1991, hal. 18.

mengarang dan cara penyampaian Shang Wanyun adalah unik. Keunikan dalam teknik mengarang fiksiyen Shang Wanyun disebabkan beliau sendiri juga pernah mengalami pengalaman yang seumpamanya. Hambatan pengangguran yang dialami oleh Shang Wanyun telah menjadi bahan untuk menghasilkan karya fiksiyennya yang begitu menarik hati para pembaca.¹¹⁷ Shang Wanyun sendiri juga pernah berkata : “Seorang wanita intelektual yang berada di dalam masyarakat lama selalunya diisolasi. Mereka mempunyai banyak perkara yang tidak dapat dikongsi. Konsep wanita intelektual juga tidak dapat diterima oleh kaum lelaki…….”¹¹⁸ Dengan pandangan yang agak pesimis ini, Shang Wanyun telah mencipta watak-watak wanita intelektual yang terpaksa mendepani pelbagai pahit jerih. Shang Wanyun bukannya bermusuhan dengan kaum lelaki, tetapi beliau hanya meluahkan rasa tidak puas hati beliau terhadap masyarakat Cina yang didominasi oleh kaum lelaki. Menerusi fiksiyennya, Shang Wanyun cuba memberitahu para pembaca bahawa diskriminasi jantina yang diamalkan oleh kaum lelaki terhadap kaum wanita masih berterusan di dalam masyarakat kita. Malahan terdapat bukti yang menunjukkan gejala tersebut telah menjadi suatu tradisi dalam masyarakat kita.

Dalam cerpen “Keharuman Bunga Melati” 〈茉莉花香〉¹¹⁹, wanita yang bernama Hu Yan (胡颜) merupakan seorang ahli politik yang bercita-cita tinggi. Dia menaruh masa depannya sebagai suatu perjudian di pentas politik. Hu Yan

¹¹⁷ Sila lihat kata pengantar Li Ruiteng (李瑞騰) dalam antologi cerpen Shang Wanyun (商晚筠), Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 7.

¹¹⁸ Yang Jinyu (杨锦郁), “Menuju ke Arah yang Matang - Temubual dengan Shang Wanyun,” , 1988.

¹¹⁹ Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 153-166.

digambarkan oleh Shang Wanyun sebagai seorang wanita zaman baru. Dia sanggup bertaruh nasib dalam arena politik.¹²⁰ Dia merupakan seorang wanita moden yang bersikap waras dan berwawasan politik. Apa yang menarik adalah watak Hu Yan telah diselitkan dengan ciri-ciri kelelakian. Hu Yan mengimpikan kuasa politik bagaikan kaum lelaki, dia ingin membina sebuah masyarakat berdasarkan gagasannya serta memainkan peranan yang penting dalam arena politik. Walaupun Hu Yan seorang yang idealistik, tetapi dia telah kalah dalam pilihanraya. Adakah kesudahan fiksi ini memberitahu kita bahawa peluang wanita untuk mengambil bahagian dalam bidang politik adalah tipis? Kalau tidak, mengapakah Hu Yan telah kalah sedangkan dia seorang yang bercita-cita tinggi? Fiksi ini sedikit sebanyak telah mencerminkan keadaan berpolitik dalam masyarakat kita. Persoalan yang tersirat di sebalik fiksi ini adalah sama ada para pengundi juga mempunyai tanggapan diskriminasi jantina. Mungkinkah kekalahan Hu Yan disebabkan para pengundi tidak mempunyai keyakinan terhadap calon wanita? Sekiranya andaian ini betul, maka mesej yang tersirat dalam fiksi ini adalah penulisan Shang Wanyun yang tidak jemu dalam menceritakan ketidakadilan yang dialami oleh kaum wanita. Dia bagai membantah bias yang selama ini menganggap wanita menduduki posisi sekunder. Apa yang jelas terserlah dalam fiksi ini adalah di mana kaum wanita tidak diberi peluang yang setara dalam persaingan dengan kaum lelaki.

Selain dari contoh-contoh yang dinyatakan di atas, kita juga disuguhkan watak Ji Wu (季妩) dalam cerpen “Ji Wu” 《季妩》 yang mempunyai makna tertentu.

¹²⁰ *Ibid.*, hal. 164.

Ji Wu merupakan perempuan moden yang mempunyai kesedaran diri dan gigih mencari impian sendiri. Watak Ji Wu memaparkan sifat keberanian yang dimiliki oleh kaum perempuan. Shang Wanyun cuba menafikan pendapat kaum lelaki yang selama ini menganggap perempuan bersifat lemah lembut. Ji Wu menjalankan kegiatan menyeludup barangan dagangan di sempadan negara Thai. Minatnya adalah menangkap gambar. Dia sanggup memikul senjata semasa keadaan huru-hara di Afrika semata-mata untuk menangkap gambar kebuluran yang diidam-idamkannya. Semua kegiatan yang dilakukan oleh kaum lelaki nampaknya juga dapat dilakukan oleh Ji Wu. Shang Wanyun telah mencipta watak Ji Wu yang mempunyai kesedaran wanita yang kuat. Ciri-ciri kewanitaan baru telah ditransformasikan menerusi watak Ji Wu. Contohnya Ji Wu menolak apa yang diaturkan oleh keluarganya untuknya. Bapanya ingin dia bersama di kedai untuk membuat simpan kira-kira, tetapi dia telah meminjam wang secara senyap dengan orang lain untuk menjalankan perniagaan barang-barangan lari cukai. Ji Wu mahu mencari punca ekonomi yang membolehkannya berdikari.

Dari penulisan tersebut, kita dapati Shang Wanyun cuba mengutarakan pendapat bahawa kaum wanita yang ingin mencari kehidupan bebas perlulah berdikari terlebih dahulu dari segi ekonomi. Sebagai perbandingan, penulis telah mencipta watak ibu Ji Wu yang merupakan wanita tradisional. Ibu Ji Wu terkongkong di bawah ikatan peraturan tradisi, manakala Ji Wu pula berani menembusi kepompong itu untuk mencari impian diri. Ji Wu adalah seorang perempuan perokok, minum arak dan

berani memarahi pegawai kastam,¹²¹ personalitinya adalah jauh berbeza dengan wanita tradisional. Dia mempunyai kesedaran yang begitu kuat sehingga berani berpindah ke kampung orang Siam. Tindakan ini menunjukkan Ji Wu berhasrat untuk berdikari, tetapi ini juga memberi aib kepada bapanya kerana pada zaman tersebut tingkah laku ini disifatkan mengingkari peraturan keluarga. Walau bagaimanapun, Ji Wu bertekad untuk melepaskan diri daripada kongkongan keluarga. Dia tidak memerlukan apa-apa penjagaan oleh keluarganya.¹²² Segalanya diatur sendiri dan dia memang membesar tanpa memerlukan apa-apa penjagaan ibu bapanya yang rapi. Malahan perkahwinannya juga tidak ditentukan oleh keluarganya. Dia berpegang kepada prinsip percintaan bebas. Semasa menangkap gambar di Thailand, dia telah jatuh hati kepada seorang pemberita dari negara asing iaitu Kennedy. Seterusnya mereka berkahwin. Ji Wu merupakan seorang perempuan yang tidak mudah pasrah, tidak terikat kepada keluarga dan berani menentukan masa hadapan sendiri. Dia juga tidak pernah akur kepada norma-norma sosial tradisional.

Jelasnya Shang Wanyun sengaja mencipta watak Ji Wu untuk menonjolkan bahawa golongan wanita terpelajar atau wanita moden dapat berdikari tanpa bergantung kepada pihak lelaki. Dalam proses penentuan diri, watak Ji Wu dikurniakan pendirian sendiri dan bersikap optimistik, ini menunjukkan bahawa Ji Wu memiliki sifat-sifat dan kualiti wanita baru. Wanita yang ingin membebaskan diri dari belenggu sosial haruslah berdikari. Mereka selalunya meminta pengakuan tentang

¹²¹ *Ibid.* , hal. 230.

¹²² *Ibid.* , hal. 231.

kewujudan mereka dari saudara terdekat, berjuang untuk hak yang sama seperti kaum lelaki. Mereka meminta pengakuan bahawa mereka jugalah manusia dan bukanlah sesuatu barang yang tidak berguna dan tidak berpersonaliti.¹²³ Mungkin ini adalah mesej yang tersirat dalam karya fiksiyen Shang Wanyun.

Fiksiyen “Ji Wu” diakhiri dengan kematian Ji Wu. Ini adalah kesudahan Ji Wu dalam mengejar cita-citanya dan ia juga menggambarkan keadaan wanita dalam masyarakat lama kita. Dalam mengharungi proses mengejar perkembangan diri dan merealisasikan idaman diri, kaum wanita selalunya menghadapi pelbagai halangan dan rintangan. Kemajuan diri wanita harus mengharungi pelbagai kesulitan. Oleh yang demikian, Shang Wanyun telah menjadikan adik perempuan Ji Wu untuk meneruskan perjuangan Ji Wu.

Ini menunjukkan keazaman dan kebulatan hati kaum wanita dalam memperjuangkan nasib mereka. Sesungguhnya watak wanita moden yang dicipta oleh pena Shang Wanyun mempunyai kemahuan yang bersungguh-sungguh untuk mencapai impian mereka.

Dalam menilai kejayaan mengarang Shang Wanyun, boleh dikatakan penciptaan watak Ji Wu sebagai wanita moden adalah berjaya. Ji Wu bukan sahaja mencerminkan kesungguhan wanita dalam mengejar cita-cita mereka, tetapi juga menerangkan keadaan dan peranan wanita dalam membentuk orde baru masyarakat,

¹²³ Du Weiming (杜维明), “*Selfhood and Otherness in Confucian Thought*,” Dalam Anthony J. Marella ed. . *Culture and Self: Asian and Western Perspectives*, 1985, hal. 231-251.

sama ada didominasi oleh kaum lelaki ataupun berjuang untuk berdikari dari segi personaliti.

Wanita baru di bawah pena Shang Wanyun jelas menunjukkan bahawa wanita Cina generasi baru mempunyai gagasan individualisme yang kuat. Mereka memiliki potensi dari segi perkembangan diri. Wanita baru digambarkan mempunyai kehendak untuk memenuhi keperluan asas manusia, mereka tidak ingin terkongkong atau terikat kepada peranan yang diberikan oleh masyarakat. Wanita baru yang berfikiran terbuka ini boleh dianggap sebagai bentuk asli bagi wanita berdikari. Meninjau nilai-nilai yang tersirat dalam karya Shang Wanyun, jelas didapati Shang Wanyun adalah lebih berpihak kepada kaum wanita.

3.2.3 Perwatakan Lesbian

Menurut Zhou Huashan (周华山) dalam karyanya *Teori Lesbian* 《同志论》, peristiwa percintaan di antara kaum perempuan telah wujud sejak lama lagi dan masih wujud pada masa kini dan akan berterusan pada masa akan datang. Beliau berpendapat identiti lesbian adalah label jantina yang dicipta selepas zaman revolusi perindustrian di negara Barat. Manakala kempen lesbianisme yang bersifat politik hanya wujud pada tahun 60an dan 70an. Pada awalnya, lesbianisme adalah sehaluan dengan teori radikal feminisme. Iaitu mereka berpendapat bahawa heteroseksual yang dikawal oleh lelaki telah menguasai semua bidang termasuklah ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, agama, percintaan dan sebagainya. Oleh itu satu-

satunya jalan keluar bagi kaum perempuan adalah meninggalkan penindas iaitu kaum lelaki dengan membina bangsa lesbian (*lesbian nation*) yang hanya menjalin perhubungan sesama wanita.¹²⁴

Yang Jinyu memuji Shang Wanyun mempunyai keberaniannya dalam mencerakin tema fiksyennya ketika penulisan lesbian masih tidak banyak disentuh dalam bidang penulisan fiksyen di arena sastera Mahua. Shang Wanyun telah menulis tentang perhubungan lesbian di dalam fiksyennya yang berjudul “Selekoh Pekan” 〈街角〉.¹²⁵ Hubungan lesbian yang dikendalikan oleh Shang Wanyun tidak cuma melibatkan dua pihak tetapi berbentuk tiga segi. Namun ketiga-tiga watak lesbian ini tidak menuntut apa-apa hak wanita dalam fiksyen “Selekoh Pekan”. Mereka hanya menjalankan aktiviti peribadi di dalam lingkungan kehidupan mereka. Nampaknya dalam fiksyen ini Shang Wanyun tidak bermotif untuk mengutarakan apa-apa isu lesbian yang kritikal, beliau lebih cenderung kepada penulisan hubungan ‘percintaan’ lesbian di antara tiga watak yang diciptanya.

Bagi membuat mengulas fiksyen Shang Wanyun yang bertemakan lesbian ini, adalah wajar meninjau teori-teori lesbian yang telah dikemukakan oleh para saujana.

¹²⁴ Rujuk Zhou Huashan (周华山), *Teori Lesbian* 《同志论》, (Hong Kong : Persatuan Mengkaji Lesbian Hong Kong, 1995), hal. 158-164.

¹²⁵ Sila lihat Yang Jinyu (杨锦郁), “Meninjau Perwatakan Wanita dalam Cerpen Shang Wanyun,” 〈论商晚筠小说中的女性〉 dalam *Koleksi Tesis Sastera Mahua Pengukuhan Tempatan Demi Menuju ke Arah Dunia*, 1998, hal. 188-199.

Teori lesbian muncul hasil daripada teori radikal feminisme yang berkembang sejak tahun 70an. Memasuki dekad 90an, fahaman lesbianisme telah mencapai bentuk yang mantap. Fahaman lesbianisme dikatakan mempunyai hubungan yang erat dengan kempen feminisme dan lesbian, ia menonjolkan seksualiti dan gender serta hubungannya dengan masyarakat patriarki.

Apakah definisi yang paling sesuai untuk “lesbian” ? Adrienne Rich berpendapat bahawa semua perempuan merupakan lesbian. Monique Wittig pula berpendapat bahawa lesbian bukanlah perempuan.¹²⁶ Terdapat pula pandangan-pandangan lain yang memberikan pendapat yang berbeza-beza. Ini menunjukkan interpretasi terhadap “lesbian” masih berada di peringkat yang kabur.

Para “*Radicalesbian*” dalam buku mereka yang berjudul *The Woman Identified Woman* telah memberikan pendapat mereka yang berbunyi seperti berikut:

Lesbian merupakan titik tolak bagi perasaan marah untuk semua lesbian. Dia ialah seorang perempuan dan sejak kecil-kecil lagi dia ingin menuntut kebebasan supaya menjadi seorang yang sempurna. Tetapi ini tidak diterima oleh masyarakat kita. Dia terpaksa menderita. Pemikiran, perasaan dan tingkah lakunya tidak bersesuaian dengan norma sosial.

“Lesbian” adalah satu label yang cuba mengawal kaum perempuan. Sebaik saja orang perempuan mendengar perkataan ini, mereka akan mengetahui mereka telah melepasi batas jantina yang dahsyat itu. Dia berundur, bertahan, mengubahsuai kelakuan untuk mendapat pujian. Lesbian merupakan label yang dicipta oleh kaum lelaki untuk mengatasi perempuan yang berani mencabar hak lelaki.....

Persefahaman baru kita harus bertolak dari diri perempuan dan tidak lagi bergantung kepada hubungan dengan orang lelaki. Kesedaran ini

¹²⁶ Sila rujuk Zhang Xiaohong (张小虹), *Alam Nafsu yang Baru : Jantina dan Kajian Lesbian* 《欲望新地图：性别、同志学》，(Taipei : Syarikat Penerbitan Lianhe Wenxue, 1996), hal. 135.

merupakan dorongan kepada revolusi. Demi revolusi ini, kita harus bantu membantu dan sayang menyayangi. Tenaga kita harus disumbangkan kepada adik-beradik perempuan dan bukannya kepada penindas. Kempen membebaskan kaum wanita harus mengambil berat hubungan heteroseksual. Percubaan untuk membaiki hubungan di antara lelaki dan perempuan supaya lelaki menjadi 'lelaki baru' hanya membazirkan tenaga sahaja. Kita harus berganding bahu supaya mencipta satu kehidupan yang baru untuk kebebasan kaum perempuan.¹²⁷

Penyajak Amerika Syarikat yang terkenal iaitu Adrienne Rich boleh dianggap sebagai wakil kepada golongan feminisme radikal. Beliau telah mengecam amalan heteroseksual, peranan ibu dan keluarga. Dalam artikelnya *Compulsory Heterosexuality and Lesbian Existence*, beliau mengkritik bahawa hubungan heteroseksual adalah paksaan kaum lelaki yang terjelma dalam bentuk suatu institusi politik. Buktinya adalah tali pinggang kesucian, perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan heteroseksual yang idealistik, larangan terhadap perkembangan lesbian dan sebagainya. Kongkongan ini melibatkan kongkongan dari segi fizikal sehingga kepada mental. Ini memaksa kaum perempuan memainkan peranan sebagai orang gaji dan hamba seks. Ruangan imaginasi seks dan perasaan yang lain bagi kaum perempuan telah tersekat sama sekali.

Adrienne Rich berpendapat untuk mengekang paksaan hubungan heteroseksual, kaum perempuan bukan sahaja perlu menentang kaum lelaki, mereka juga harus melihat hubungan yang terjalin sesama sendiri. Beliau telah mengemukakan konsep "*lesbian continuum*" atau kontinum lesbian untuk mengukuhkan gagasannya:

¹²⁷ Sila rujuk Radicalesbians, terjemahan Zhang Junmei (张君玫), *The Woman Identified Woman*, 1985, hal. 2-4.

Merangkumi lingkungan pengalaman di antara bermacam-macam jenis perempuan. Menembusi jiwa individu seorang perempuan dan juga menembusi sejarah. Ia bukan sahaja sekadar merujuk kepada kehendak seorang perempuan untuk menjalin hubungan seks dengan seorang perempuan yang lain.¹²⁸

Oleh itu, kontinum lesbian yang dikemukakan oleh Adrienne Rich merangkumi semua perempuan yang sefahaman. Untuk Adrienne Rich, pada dasarnya hampir semua perempuan merupakan lesbian. Gagasan yang dipelopornya berkesan untuk menyatupadukan golongan feminisme. Namun, definisinya terhadap lesbian telah menjadi begitu luas sekali dan kabur. Ini menyebabkan lesbian telah kehilangan fokus dan keistimewaannya.

Penyajak bangsa Negro bernama Audre Lorde juga merupakan seorang yang berpegang pada gagasan lesbian. Beliau menganggap dirinya sebagai “*sister outsider*” untuk menonjolkan identitinya yang terdiri daripada perempuan, orang Negro dan lesbian. Beliau berpendapat bahawa diskriminasi jantina, diskriminasi kaum dan diskriminasi terhadap lesbian merupakan tindasan yang saling berkait. Tetapi ketiga-tiga diskriminasi ini juga bercanggah dan ada perbezaannya.

Oleh yang demikian, beliau menulis sepucuk surat terbuka kepada Mary Daly (*open letter to Mary Daly*) untuk mengecam feminisme yang didominasi oleh perempuan orang putih telah memburukkan imej dan sejarah wanita Negro. Bagi Audre Lorde, perempuan Negro telah diketepikan dan tindakan golongan feminisme

¹²⁸ Sila rujuk Zhang Xiaohong (张小虹), *Alam Nafsu yang Baru : Jantina dan Kajian Lesbian*, 1996, hal. 142.

ini sama saja dengan tindasan kaum yang dilakukan oleh kaum lelaki. Beliau melaungkan “perbezaan politik” ini supaya kaum wanita dapat melihat antara satu sama lain.¹²⁹

Sebagai seorang lesbian, sumbangan Audre Lorde yang terbesar adalah dari segi konsep erotik lesbian. Dalam artikelnya *The Use of The Erotic : The Erotic as Power*, beliau cuba membezakan erotik lesbian dengan pornografi kaum lelaki. Beliau menyatakan bahawa erotik lesbian merangkumi hubungan seks, mental, perasaan, jiwa, daya cipta dan sebagainya. Namun pornografi kaum lelaki hanyalah hubungan seks dan keseronokan dari segi pancaindera sahaja.¹³⁰

Monique Wittig merupakan seorang penulis fiksiyen lesbian Perancis. Beliau dalam artikelnya *The Straight Mind* cuba membuktikan bahawa pembentukan jantina “lelaki” dan “perempuan” bukan wujud secara semula jadi tetapi ia diwujudkan melalui perbezaan sosial dan politik. Beliau mendakwa bahawa perbezaan dari segi jantina adalah hasil daripada amalan hubungan heteroseksual. Beliau telah melaungkan slogan “lesbian bukan perempuan” untuk membantah institusi heteroseksual. Dalam artikelnya *One Is Not Born a Woman* pada tahun 1981, Wittig telah menggunakan slogan Simone Beauvoir yang berbunyi “manusia bukan dilahirkan sebagai perempuan tetapi dijadikan sebagai perempuan”. Beliau

¹²⁹ *Ibid.*, hal. 143-144.

¹³⁰ Audre Lorde, terjemahan Sun Ruisui (孙瑞穗), *The Use of The Erotic* 〈情欲的利用〉, majalah *Funü Xinzhi* 《妇女新知》, No. 159, Ogos 1995, hal. 24 -28.

berpendapat bahawa hanya dengan memusnahkan pembezaan jantina (*the category of sex*), maka ruangan untuk imaginasi dan identiti lesbian barulah dapat berkembang.¹³¹

Dalam karya Shang Wanyun, tiga watak lesbian yang dicipta olehnya dalam karya “Selekoh Pekan” ialah Ren Qinling (任沁龄), Ji Ruzhuang (季如庄) dan Xi Li (席离).¹³² Ren Qinling merupakan seorang lesbian yang mencintai Ji Ruzhuang. Hubungan mereka terjalin selama beberapa tahun. Ren Qinling tinggal di sebuah rumah yang dinamakan Yapige (雅癖阁). Lokasinya berada di sisi sebatang jalan. Ren Qinling dan rakan-rakannya selalu bertemu dan mengadakan aktiviti di rumah Yapige. Kadang-kadang mereka berborak-borak, kadang-kadang mereka berbincang pula tentang perkara seperti pameran barangan seni. Ren Qinling bukan sahaja mencintai Ji Ruzhuang tetapi dia juga jatuh hati pada Xi Li setelah Xi Li muncul di tempat kediamannya. Dalam perbualan Ren Qinling dengan Xi Li, Ren Qinling telah mengaku bahawa:

Kamu tahu saya dengan Ji Ruzhuang mempunyai suatu hubungan yang istimewa, kamu tidak pernah sebut dan tidak menyoal, tetapi kamu sudah tahu sejak awal-awal lagi kan?

Percintaan saya dengan Ji Ruzhuang jika dinilai dari norma sosial dan standard moral, maka ia merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima umum.¹³³

Ren Qinling merupakan seorang lesbian yang berani untuk membuat

¹³¹ Sila rujuk Monique Wittig, terjemahan Michong (米虫), “The Category of Sex,” 〈性 / 别〉, majalah *Daoyu Bianyuan* 《岛屿边缘》, No. 9, Oktober 1994, hal. 41-46.

¹³² Sila lihat Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 65-97.

¹³³ *Ibid.*, hal. 85.

pengakuan. Manakala Ji Ruzhuang pula merupakan perempuan yang mencintai perempuan, dia memiliki ciri-ciri 'kelelakian' dalam hubungan percintaan ini. Menerusi tema lesbian, Shang Wanyun berjaya mempersembahkan alam batin dan hawa nafsu beberapa orang watak lesbian.

Judith Butler dalam karyanya *Gender Trouble* berpendapat bahawa dalam masyarakat patriarki, konsep jantina dan heteroseksual adalah dibentuk bersama. Di sebaliknya bentuk masyarakat ini, persoalan lesbian telah menjadi suatu pantang larang. Malahan lesbian telah menjadi sesuatu yang tidak boleh dijadikan buah mulut (*unspeakable*), haram (*illegitimate*) dan sukar difahami.¹³⁴ Dalam fiksyen “Selekoh Pekan” , watak lesbian mempunyai ruang kegiatan yang terhad sahaja. Mereka selalunya berkumpul di rumah Yapige yang berada di sisi sebatang jalan. Shang Wanyun secara kebetulan telah mengibaratkan bahawa percintaan lesbian merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima oleh norma sosial. Ruangan untuk aktiviti mereka adalah begitu sempit dan terhad sekali.

Bagaimana pula dengan penulisan personaliti lesbian oleh Shang Wanyun? Personaliti lesbian lazimnya dianggap tidak sempurna oleh segenap lapisan masyarakat. Dalam fiksyen Shang Wanyun, watak Xi Li merupakan seorang yang hidup terasing, dia tidak mudah bergaul dengan orang lain malahan selalu cuba mengekalkan jarak dengan orang lain. Dalam sudut pandangan kawan Xi Li, dia merupakan seorang yang bersikap acuan. Dia sengaja mengekalkan jarak dan

¹³⁴ Sila rujuk Judith Butler, *Gender Trouble : Feminism and the Subversion of Identity*, (New York : Routledge, 1990), hal. 64-65.

mengelakkan diri daripada kawan. Dia menolak untuk mencurahkan perasaan batinnya dalam soal percintaan. Inilah apa yang dikatakan sebagai “*neurotic withdrawal*” .¹³⁵

Xi Li pada mula cuba sedaya upaya untuk memikat hati Ren Qinling. Malahan dia mempunyai banyak ilusi terhadap Ren Qinling. Contohnya dia membayangkan tiupan angin sebagai Ren Qinling yang mengusapi rambut dan tubuhnya.¹³⁶ Jelasnya Xi Li mendahagikan belaian kasih Ren Qinling untuk batinnya yang sepi. Xi Li juga mengharapkan supaya dia mendapat perkasihannya Ren Qinling sebagaimana Ren Qinling mencintai Ji Ruzhuang. Oleh itu, dia telah mengubah diri dengan mencipta pelbagai cerita atau pengalaman menarik untuk memikat perhatian Ren Qinling. Dia selalu mencari alasan untuk berada di tempat Ren Qinling sehingga waktu subuh. Ini disebabkan Xi Li tidak sanggup meninggalkan Ren Qinling dan tertarik padanya.

Namun pada akhirnya Xi Li telah menyekat perasaan cintanya terhadap Ren Qinling. Keprihatinan Ren Qinling terhadap Xi Li telah menjadi sesuatu beban dan menyebabkan Xi Li meninggalkan Ren Qinling. Segala kemungkinan untuk perkembangan percintaan mereka telah berakhir dengan kesuraman. Adakah percintaan lesbian tidak akan berakhir dengan kebahagiaan atau kesempurnaan? Bukan sahaja Xi Li berkeras hati meninggalkan Ren Qinling, tetapi Ji Ruzhuang juga meninggalkan Ren Qinling pada akhirnya. Dalam fiksiyen, pemergian Ji Ruzhuang

¹³⁵ Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 68.

¹³⁶ *Ibid.*, hal. 77.

selama tiga tahun, dia hanya berpesan kepada Ren Qinling supaya jangan mencarinya. Ji Ruzhuang berkata bahawa dia akan pulang ke pangkuan Ren Qinling apabila dia berasa penat pada suatu hari nanti.¹³⁷ Dalam soal percintaan ini, Ji Ruzhuang pada akhirnya memilih untuk melarikan diri daripada berhadapan dengan persoalan cintanya yang kompleks itu. Ren Qinling pernah berkata bahawa dia mencintai kesemua kawannya dan paling mencintai Ji Ruzhuang.¹³⁸ Dia menganggap dirinya telah mencintai individu yang tak harus dicintai tetapi dia tidak kisah. Jelasnya pemergian Ji Ruzhuang memberi pukulan yang hebat kepada Ren Qinling, dia telah belajar menghisap rokok untuk menghalau rasa sepi.

Percintaan Ren Qinling terhadap Ji Ruzhuang adalah begitu setia dan kukuh sekali. Kesemua penduduk di sekitar rumah Yapige hampir telah berpindah, Ren Qinling masih tidak mahu berpindah walaupun sering berlaku kes jenayah di sekitar tempat kediamannya. Dia tetap berdegil kerana ketulusan hatinya untuk menunggu kepulangan Ji Ruzhuang pada suatu hari kelak. Hanya dengan sepatah kata Ji Ruzhuang, Ren Qinling telah menghabiskan tempoh tiga tahun dan dia ingin terus menunggu. Adakah percintaan lesbian ini juga mempunyai persamaan dengan percintaan heteroseksual seperti dalam soal kesetiaan? Teresa de Laureties dalam bukunya *The Practice of Love* berpendapat bahawa lesbian mencintai sebahagian atau seluruh daripada tubuh wanita. Ataupun sesuatu yang dapat dijadikan pengganti seperti ciri-ciri personaliti yang istimewa, sikap, wajah, persembahan diri dan

¹³⁷ *Ibid.*, hal. 67.

¹³⁸ *Ibid.*, hal. 92.

sebagainya. Oleh itu, fesyen, persolekan, dan pertunjukan memainkan peranan yang penting dalam *sub-culture* lesbian.¹³⁹ Ren Qinling memilih untuk menetap di rumah Yapige, ini adalah kerana di situ dia pernah bersuka ria dengan teman tercintanya. Tempat itu telah meninggalkan terlalu banyak kenangan manis untuknya. Namun pada akhirnya Ren Qinling mengeluh bahawa dia dan Ji Ruzhuang merupakan dua orang yang memainkan peranan yang tidak secocok dalam dunia ini yang sentiasa berkehendakkan kesecocokan.¹⁴⁰

Ren Qinling tidak mahu mengulangi tragedi percintaannya dengan Ji Ruzhuang. Oleh itu dia mengambil keputusan supaya tidak menerima cinta Xi Li. Dia ingin melindungi diri kerana tidak mahu dilukai sekali lagi sebagai mana Ji Ruzhuang menghampakannya. Apabila Ren Qinling membeli sarapan untuk Xi Li, dia telah mengenang pada masa lalu dia membeli sarapan untuk Ji Ruzhuang pada setiap pagi. Dia selalu tergesa-gesa untuk pulang kerana bimbang bahawa teh tarik dan roti canainya akan menjadi sejuk.¹⁴¹ Keprihatinan Ren Qinling ini telah menunjukkan kesungguhannya dalam mencintai Ji Ruzhuang. Namun pada akhirnya Ji Ruzhuang telah meninggalkannya tanpa mengambil kira perasaan Ren Qinling yang akan ditimpa kepiluan. Oleh itu, Ren Qinling pada akhirnya telah memulau Xi Li yang dianggapnya akan terjelma seorang lagi yang menyamai Ji Ruzhuang dalam kehidupannya.

¹³⁹ Sila rujuk Teresa de Lauretis, *The Practice of Love : Lesbian Sexuality and Perverse Desire*, (Bloomington : Indiana University Press, 1994), hal. 228.

¹⁴⁰ Shang Wanyun (商晚筠), *Air Bunga Tujuh Warna*, 1991, hal. 97.

¹⁴¹ *Ibid.*, hal. 96.

Ren Qinling pernah menuduh bahawa percintaannya dengan Ji Ruzhuang bagaikan memainkan peranan yang tidak secocok di dunia yang sentiasa berkehendakkan kesecocokan. Nampaknya dia menuduh bahawa diskriminasi sosial terhadap lesbian telah menyekat perkembangan percintaannya. Dia terpaksa menahan perasaan kesepian setelah putus cinta. Hatinya begitu sedih tetapi dia tidak memerlukan sebarang simpati.

Fiksyen Shang Wanyun ini telah menyebabkan kita terkenang akan fiksyen Radclyffe Hall yang berjudul *The Well of Loneliness*. Dalam fiksyen lesbian yang romantik ini, watak perempuannya mengingkari amalan diskriminasi sosial. Dia menyeru supaya masyarakat dapat menerima lesbian ketika dia menderita dalam kesepian dan kesedihan akibat putus cinta.¹⁴²

Shang Wanyun merupakan seorang penulis feminin yang bukan sahaja mengambil berat tentang nasib kaum wanita tetapi beliau juga prihatin terhadap nasib golongan minoriti seperti lesbian. Beliau mempunyai pemahaman yang tertentu terhadap lesbian. Oleh itu, fiksyennya “Selekoh Pekan” yang bertemakan lesbian telah membawa para pembaca mengenali alam batin lesbian. Shang Wanyun telah berjaya mengukir watak lesbian, malahan persoalan lesbian yang kompleks serta masalah yang dihadapi oleh lesbian telah dipersembahkan olehnya. Penulisan

¹⁴² Sila lihat Marquerite Radclyffe Hall, *The Well of Loneliness*, (New York : Doubleday, 1928). Ataupun merujuk kepada Mei Jialing (梅家玲), *Perbincangan Jantina dan Fiksyen Taiwan* 《性别论述与台湾小说》, (Taipei : Syarikat Penerbitan Maitian, 2000), hal. 280.

perwatakan dan hubungan lesbian yang kompleks ini telah membawa makna tertentu kepada arena sastera Mahua.

Pendek kata, watak wanita yang dicipta oleh Shang Wanyun memiliki kedua-dua sifat lemah lembut dan berani. Mereka mempunyai sifat rasional dan sensibiliti kewanitaan. Tetapi ketika menghadapi cabaran, sifat keberanian dan rasional akan memainkan peranan penting supaya mereka tidak terjerumus, sebaliknya memperoleh kejernihan hidup.

Secara keseluruhannya, kedua-dua buah fiksyen Shang Wanyun ini memberi tumpuan menggarap persoalan identiti wanita. Shang Wanyun telah memasukkan pengalaman kehidupan diri dalam karya fiksyennya. Kita dapat meneliti bahawa dunia dalaman Shang Wanyun selalu berkisar pada persoalan wanita. Beliau telah menyelitkan kesedaran wanita dalam fiksyennya. Ini bermakna Shang Wanyun membincang persoalan wanita menerusi ciptaan fiksyen.

Shang Wanyun disifatkan sebagai seorang pengarang yang sedar akan identiti diri. Beliau juga sedar bahawa ekspresi penulisan kreatif sastera adalah bertolak daripada pengalaman diri dan seterusnya berkembang ke ruang yang lebih besar. Beliau sedar bahawa dia seorang wanita dan tahu bagaimana untuk menjadikan pengalaman wanitanya sebagai tema dalam fiksyennya. Malahan Shang Wanyun juga ingin mengangkat martabat kaum wanita melalui fiksyennya. Dalam fiksyen Shang

Wanyun kita selalu ditemukan dengan pandangan feminisme yang matang. Motif beliau amat dihargai dalam arena sastera Mahua.

Dengan berteraskan teori feminisme, watak wanita yang diciptakan oleh Shang Wanyun telah menjangkau batas tradisional. Ini telah menunjukkan kepekaan beliau dalam menguasai perasaan hati dalaman kaum wanita. Dalam arena sastera Mahua, Shang Wanyun boleh dikatakan sebagai perintis dalam pengolahan permasalahan wanita. Walaupun Shang Wanyun telah meninggal dunia, tetapi fiksyennya yang sarat dengan unsur-unsur dan keistimewaan kaum wanita akan kita kenang buat selamanya.